

Warisan Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis

BAHAGIAN A

Jawab semua soalan.

9.1 Warisan Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis

1 Sultan atau Raja menduduki hierarki tertinggi dalam pemerintahan beraja. Apakah peranan baginda?

(BUKU TEKS m.s. 159)

- A Pentadbir wilayah
- B Pentadbir jajahan
- C Lambang perpaduan rakyat
- D Lambang perhubungan antara negeri

2 Pembesar dilantik sebagai wakil pentadbir bagi pihak kerajaan. Mereka bertanggungjawab terhadap _____.

(BUKU TEKS m.s. 159)

- I negeri
- II negara
- III daerah
- IV jajahan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3 Penghulu merupakan penguasa pada peringkat mukim. Bagaimanakah penghulu dapat membantu pentadbiran setiap negeri?

(BUKU TEKS m.s. 159)

- A Menjadi ketua adat
- B Menjadi ketua agama
- C Orang perantaraan antara wilayah
- D Orang perantaraan antara rakyat dengan pemerintah

4 Majlis pemasyhuran pengganti Sultan atau Raja merupakan warisan adat istiadat diraja yang kekal sehingga kini. Bilakah majlis tersebut disempurnakan?

(BUKU TEKS m.s. 160)

- A Sebelum jenazah pemerintah dimakamkan
- B Setelah jenazah pemerintah dimakamkan
- C Sebelum istiadat perkahwinan putera raja
- D Setelah istiadat perkahwinan putera raja

5 Penganugerahan pingat darjah kebesaran disempurnakan bersempena dengan hari sambutan keputeraan pemerintah. Mengapakah istiadat tersebut diwarisi hingga kini?

(BUKU TEKS m.s. 160)

- A Lambang kuasa pemerintah
- B Memeriahkan suasana sambutan
- C Peruntukan dalam perlembagaan negeri
- D Lambang hubungan pemerintah dengan rakyat

6 Istiadat pertabalan Sultan atau Raja dimulai dengan mempersembahkan naskhah al-Quran dan alat kebesaran diraja. Apakah kepentingan istiadat tersebut?

(BUKU TEKS m.s. 160)

- A Protokol sistem beraja
- B Lambang kebesaran negara
- C Pengabsahan kedaulatan raja
- D Lambang kemegahan kerajaan

7 Maklumat berikut berkaitan istiadat yang diwarisi sehingga kini.

- Istiadat dimulakan dengan mempersembahkan naskhah al-Quran dan alat kebesaran diraja.
- Sultan dan Raja yang dimasyhurkan membaca watakah dan kemudian mengucap keris kuasa.
- Menteri Besar mengetuai seruan "Daulat Tuanku".

Apakah istiadat tersebut?

(BUKU TEKS m.s. 160)

- A Pertabalan raja
- B Keputeraan raja
- C Perkahwinan raja
- D Keberangkatan raja

8 Senarai berikut merupakan antara warisan adat istiadat diraja yang diamalkan sehingga kini.

- Majlis pemasyhuran
- Istiadat pertabalan
- Adat perkahwinan

Apakah kepentingan pengamalan adat istiadat tersebut?

(BUKU TEKS m.s. 160)

- A Menghormati nenek moyang
- B Membentuk identiti bangsa
- C Memupuk semangat patriotisme
- D Mewujudkan kebudayaan kebangsaan

- 9 Senarai berikut merupakan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri.

- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darul-aman
- Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis

Apakah tujuan penggubalan undang-undang tersebut?

BUKU TEKS m.s. 162

- A Meluaskan kuasa negeri
- B Mengutamakan hak rakyat
- C Membentuk jemaah menteri
- D Melancarkan pentadbiran kerajaan

- 10 Rajah berikut menerangkan sistem pentadbiran negeri-negeri Melayu.



Apakah X?

BUKU TEKS m.s. 162

- A Badan Kehakiman
- B Badan Perundangan
- C Majlis Perundangan Negeri
- D Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri

- 11 Antara karya berikut, yang manakah mengandungi kisah alat kebesaran diraja?

BUKU TEKS m.s. 164

- A Hikayat Seri Kelantan
- B Detik2 Sejarah Kelantan
- C Hikayat Merong Mahawangsa
- D Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah

- 12 Maklumat berikut berkaitan Syair Sultan Maulana.

- Dihasilkan pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah (1804 – 1845).
- Dipersembahkan dalam bentuk syair.

Karya tersebut mengisahkan

BUKU TEKS m.s. 165

- A perang tentera Kedah
- B pengasasan kerajaan Kedah
- C pemerintahan kerajaan Kedah
- D pengislaman pemerintah Kedah

- 13 Jadual berikut berkaitan warisan seni persembahan.

BUKU TEKS m.s. 167

Negeri	Seni persembahan
Perlis	Awang Batil
Kelantan	Wayang kulit
Kedah	X

Apakah X?

- A Mak Yong
- B Mek Mulung
- C Kuda Kepang
- D Dondang Sayang

9.2 Keunikan Adat dan Pemerintahan Negeri Sembilan

- 14 Perantau dari Minangkabau menetap di kawasan Rembau, Sungai Ujong dan Johol di Negeri Sembilan.

Apakah amalan tradisi yang dibawa oleh mereka?

BUKU TEKS m.s. 168

- A Hukum Islam
- B Adat Perpatih
- C Adat Temenggung
- D Hukum Kanun Melaka

- 15 Masyarakat di Negeri Sembilan mengamalkan Adat Perpatih yang mempunyai keunikan tersendiri.

Apakah keunikan yang terdapat dalam Adat Perpatih?

BUKU TEKS m.s. 164 - 165

- I Jurai keturunan sebelah ibu
 - II Wanita pewaris harta pusaka
 - III Perkahwinan sesama suku digalakkan
 - IV Pelaksanaan hukuman yang berat terhadap pesalah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 16 Mengikut Adat Perpatih, kaum perempuan dianggap sebagai ibu yang melahirkan anggota masyarakat yang dipanggil sebagai _____.

BUKU TEKS m.s. 168

- A ibu bapa
- B Ibu Soko
- C ketua suku
- D ketua rumah

- 17 Dalam pelaksanaan hukuman, Adat Perpatih mengutamakan _____.

BUKU TEKS m.s. 168

- A kebebasan
- B pemulihan
- C pembalasan
- D hukuman berat

- 18 Maklumat berikut berkaitan perkahwinan dalam masyarakat Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat Perpatih.

Seseorang lelaki yang berkahwin akan menjadi anggota keluarga isterinya.

Lelaki yang berkahwin tersebut digelar sebagai _____.

BUKU TEKS m.s. 169

- A soko
- B kedim
- C orang semenda
- D orang perantau

19 Dalam masyarakat Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat Perpatih, perkahwinan sesama suku tidak digalakkan. Apakah sebabnya? **(BUKU TEKS m.s. 165)**

- A Dianggap bersaudara
- B Dikhuatir timpa malapetaka
- C Bertentangan dengan amalan hidup
- D Bertentangan dengan ajaran agama

20 Apakah kesan terhadap seseorang lelaki yang berkahwin dengan perempuan yang sesama suku? **(BUKU TEKS m.s. 165)**

- A Diusir keluar suku
- B Dihukum di khalayak ramai
- C Hilang hak mewarisi pusaka
- D Hilang hak menyandang jawatan dalam adat

21 Apakah keistimewaan kaum wanita dalam masyarakat Negeri Sembilan yang mengamalkan Adat Perpatih? **(BUKU TEKS m.s. 165)**

- A Melantik pemimpin
- B Mewarisi harta pusaka
- C Menyandang pesaka adat
- D Menggubal undang-undang

22 Apakah unsur penting yang diamalkan dalam sistem pemerintahan berdasarkan Adat Perpatih di Negeri Sembilan? **(BUKU TEKS m.s. 170)**

- A Diktator
- B Ketegasan
- C Kuasa mutlak
- D Permuafakatan

23 Apakah peranan Lembaga dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan? **(BUKU TEKS m.s. 171)**

- I Memilih buapak
- II Menjadi tempat rujuk soal adat
- III Menyelesaikan masalah antara suku
- IV Menguruskan pembahagian harta pusaka
- A I dan II C II dan III
- B II dan IV D III dan IV

24 Daerah-daerah berikut diketuai oleh Undang.

- Johol
- Jelebu
- Rembau
- Sungai Ujong

Apakah tugas utama Undang selain mengetuai daerah-daerah tersebut? **(BUKU TEKS m.s. 171)**

- A Melantik Yamtuan Besar
- B Menentukan perlantikan Lembaga
- C Mengendalikan pembahagian harta pusaka
- D Menjadi tempat rujukan tentang adat dan hukum


25 Perbilangan berikut berkaitan amalan masyarakat Negeri Sembilan berdasarkan Adat Perpatih. **(BUKU TEKS m.s. 170)**

*Bulat anak buah menjadi buapak
Bulat buapak menjadi lembaga
Bulat lembaga menjadi penghulu
Bulat penghulu menjadi raja*

Apakah yang dapat disimpulkan menerusi perbilangan tersebut?

- A Pemerintahan beraja
- B Pengamalan demokrasi
- C Pewarisan takhta kerajaan
- D Pembahagian harta pusaka

26 Rajah berikut berkaitan pemerintahan di Negeri Sembilan. **(BUKU TEKS m.s. 170)**



Apakah X?

- A Yamtuan Besar
- B Undang
- C Perut
- D Lembaga

27 Berapakah bilangan suku yang terdapat dalam kalangan masyarakat tempatan di Negeri Sembilan? **(BUKU TEKS m.s. 169)**

- A 9
- B 10
- C 11
- D 12

28 Maklumat berikut berkaitan gelaran Ibu Soko.

Ibu Waris

Gelaran tersebut diberikan kepada Ibu Soko di daerah _____ **(BUKU TEKS m.s. 170)**

- A Minangkabau
- B Jempol
- C Johol
- D Inas

29 Apakah tanggungjawab Lembaga? **(BUKU TEKS m.s. 171)**

- I Menguruskan harta pusaka
- II Menjadi rujukan adat dan hukum
- III Memilih keturunan Yamtuan Radin
- IV Menyelesaikan pertelingkahan antara suku
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30 Istilah berikut berkaitan pelaksanaan Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Buapak

Pelantikan jawatan tersebut akan ditentukan oleh _____ **(BUKU TEKS m.s. 171)**

- A Anak buah
- B Ibu Soko
- C Lembaga
- D Undang